

Jenis Akhbar : Metro Ahad  
Tarikh : 05/02/2017  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 46



**ABDUL Fattah (empat dari kanan) dan Pengerusi Yayasan ANGKASA, Mutadho Bahri (empat dari kiri) beramah mesra dengan pelajar yang menerima surat tawaran pinjaman pendidikan Yayasan ANGKASA, semalam.**

**Kuala Lumpur**

## **ANGKASA peruntuk pembiayaan pendidikan**

Mahasiswa dan ahli koperasi yang mempunyai masalah kewangan untuk melanjutkan pelajaran boleh memohon pembiayaan pinjaman pendidikan menerusi peruntukan yang disediakan kira-kira RM1 juta oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA).

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pinjaman berkenaan khusus untuk pengajian peringkat ijazah sarjana dan sarjana muda selain tiada faedah dikenakan terhadap ahli dan kakitangan ANGKASA.

Beliau berkata, Angkasa mengeluarkan RM11.2 juta untuk tempoh 2000 hingga 2016 membabitkan 726 pelajar dengan jumlah pinjaman ditukar kepada biasiswa kira-kira RM7.82

juta.

“Sehingga kini 70 peratus pelajar tidak perlu membayar pinjaman kerana mendapat keputusan cemerlang selepas tamat pengajian sama ada di institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

“Pada 2000 hingga 2016 70 peratus daripada 726 pelajar mendapat biasiswa berikutan keputusan cemerlang yang diperoleh selepas bergradusi.

“Setiap pelajar akan mendapat RM18,000 sepanjang tempoh pengajian. Tahun ini kita tingkatkan jumlah peminjam iaitu 100 berbanding 40 pelajar tahun lalu,” katanya pada majlis penyerahan surat tawaran dan proses menandatangani dokumen pinjaman Yayasan ANGKASA sesi 2016/2017, di sini, semalam.